

Strategi lautan biru UMP, ECER

Beri peluang pekerjaan, tingkat taraf kehidupan lebih baik kepada rakyat di Pahang

KUANTAN - Pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan bermatlamatan memberikan peluang pekerjaan bukan sahaja di kalangan penduduk luar bandar malah menyasarkan golongan miskin tegar, wanita dan belia yang tinggal jauh dari bandar untuk menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Melalui kluster pendidikan yang diperkenalkan dalam Program Empower ECER ia mampu meningkatkan kefahaman masyarakat luar bandar terhadap nilai keusahawanan yang boleh menjana pendapatan yang lebih tinggi terutamanya di kalangan peserta agropolitan di Runchang, Lepar dan Tangga Batu yang juga dinikmati penduduk di sekitar Kuala Pahang.

Bersesuaian dengan kewujudan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terletak berhampiran dengan kawasan Zon Ekonomi Khas ECER, ia turut memberi peluang kepada UMP mengambil inisiatif menjalankan kerjasama dalam melaksanakan Program Empower ECER Mahkota Kuala Pahang yang diilhamkan Canselor UMP, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang menyasarkan pembangunan akademik dan kemahiran khususnya di Mukim Kuala Pahang dan dikembangkan ke daerah Pelan bermula tahun 2014.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Dainig Nasir Ibrahim berkata, program yang dilaksanakan ECER dan UMP yang diterjemahkan melalui program khidmat komuniti itu menjadi medan interaksi di antara warga UMP



Peserta Empower ECER Mahkota menunjukkan kemahiran memasak hasil latihan program pembangunan kemahiran di kalangan belia dan golongan wanita di Kuala Pahang.

dengan masyarakat melibatkan beberapa projek yang diusahakan bersama beberapa jabatan di UMP iaitu Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) atau kini dikenali sebagai UMP Advanced Education dengan kerjasama Persatuan Wanita

UMP (Matahari).

"Di samping Program Pembangunan Akademik, inisiatif lain yang dijalankan ialah Latihan Kemahiran & Keusahawanan. Inisiatif ini mampu merubah transformasi aras pencapaian sosio-ekonomi dan taraf hidup kumpul-

an sasaran yang terlibat dalam jangka masa panjang bagi meningkatkan motivasi dan pencapaian akademik pelajar serta menyuntik semangat peserta untuk menempuh kehidupan dengan lebih maju," katanya.

UMP dan ECERDC turut melaksanakan program latihan

dan motivasi melibatkan 802 peserta projek Agropolitan Pekan melibatkan penduduk dari Agropolitan Batu 8 Lepar Agropolitan Runchang dan terbaru Agropolitan Tanjung Batu sebagai usaha memberi kesedaran peserta untuk turut berperanan bagi meningkatkan pencapaian pelajar dan kepentingan pendidikan untuk mengubah taraf hidup mereka.

Dalam berkongsi kepakaran dalam bidang pembangunan penyelidikan, UMP terus aktif dalam meneroka ide-idea baru yang lebih kreatif dan inovatif dengan memberi peluang seluas-luas di kalangan penyelidiknya untuk memanfaatkan ilmu teknologi yang dapat menyumbang terhadap peningkatan kualiti dalam kehidupan rakyat di negara ini.